

MASJID SEBAGAI PUSAT TRANSIT PERLINDUNGAN DAN ADUAN KES KEGANASAN RUMAH TANGGA: TINJAUAN AWAL

Norazla Abdul Wahab¹ & Fatin Nur Majdina Nordin²

¹Fakulti Syariah & Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

²Rumah Perlindungan Bayt al- Rahmah, Lot 134, Jalan Merbau, Kg. Melayu Ampang, 68000 Ampang, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author: Norazla Abdul Wahab. ¹Fakulti Syariah & Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email: norazla@kuis.edu.my.

Abstrak

Peningkatan kes keganasan rumahtangga sepanjang tahun 2020 iaitu sebanyak 5,260 dan 902 kes pada Januari sehingga April 2021 yang direkodkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan isu keganasan rumah tangga memerlukan intervensi dan kerjasama pelbagai pihak bagi menanganinya. Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) telah melancarkan projek rintis 'Program Masjid Santuni Masyarakat' dengan menjadikan masjid sebagai pusat transit perlindungan dan aduan pemandiri kes keganasan rumah tangga pada April 2021. Usaha ini adalah pertama seumpamanya apabila Masjid Wilayah Persekutuan dan Masjid Al-Ghufran (Taman Tun Dr Ismail) telah dipilih sebagai perintis pusat transit perlindungan dan aduan kes keganasan rumah tangga. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis peranan masjid sebagai pusat transit perlindungan dan aduan kes keganasan rumahtangga selain mengenalpasti isu-isu dan cabaran yang timbul. Analisis dibuat terhadap jurnal akademik dan dokumen-dokumen berkaitan serta praktis sedia ada dalam pengendalian kes keganasan rumah tangga di Malaysia. Kajian mendapati usaha menjadikan masjid sebagai pusat transit perlindungan dan aduan kes keganasan rumah tangga adalah satu langkah proaktif namun beberapa perkara perlu diberikan perhatian selanjutnya seperti punca kuasa masjid menurut perundangan, keselamatan pemandiri, kemudahan-kemudahan yang disediakan, kompetensi pegawai masjid, SOP pengurusan pusat transit serta aduan kes dan sebagainya. Artikel ini seterusnya akan mencadangkan kerangka penambahbaikan dalam pengendalian dan

pengurusan kes keganasan rumah tangga yang akan dilaksanakan oleh pihak masjid terlibat di Malaysia..

Kata kunci: Keganasan Rumah Tangga, Masjid, Pusat Aduan, Pusat Transit.

(MOSQUE AS A TRANSIT AND COMPLAINT CENTER OF DOMESTIC VIOLENCE CASES: A PRELIMINARY STUDY)

Abstract

The increasing numbers of the domestic violence cases during 2020 for about 5,260 cases and 902 cases in January to April 2021 that have been recorded by the Royal Malaysian Police (PDRM) shows that the issue of domestic violence requires the intervention and cooperation of various parties to address it. In April 2021, the Department of Women Development (JPW), Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM) in collaboration with the Federal Territory Islamic Religious Department (JAWI) has launched a pilot project named 'Program Masjid Santuni Masyarakat' by making the mosque a transit center for protection and complaints of survivors of domestic violence. This effort was the first of its kind when the Masjid Wilayah Persekutuan and the Al-Ghufran Mosque (Taman Tun Dr Ismail) were selected as pioneers of transit and complaints centers of domestic violence cases. Thus, this article aims to analyze the role of the mosque as transit and complaints center of domestic violence cases as well as to identify the issues and challenges that arise. Analysis was made on academic journals and related documents as well as the existing practices in handling domestic violence cases in Malaysia. The study found that the effort to make the mosque as mosque as transit and complaints center of domestic violence cases is a proactive measure but some issues need to be addressed such as the jurisdiction of the mosque according to the law, safety of survivors, facilities provided, competency of mosque officers in handling the domestic violence cases, standard operating procedures (SOPs) of the transit center, the complaints' management and so on. This article will further propose a framework for the management of domestic violence cases that will be catered later by the respective mosques in Malaysia.

Keywords: *Complaints Centre, Domestic Violence, Mosque, Transit Centre, Violence.*

Received: October 21, 2021

Accepted: December 21, 2021

Online Published: December 31, 2021

1. Pendahuluan

Peningkatan kes keganasan rumahtangga sepanjang tahun 2020 iaitu sebanyak 5,260 kes dan 902 kes pada Januari sehingga April 2021 yang direkodkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta sebanyak 2,540 kes keganasan rumah tangga yang diterima oleh Talian Kasih, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sejak Januari hingga Disember 2020 menunjukkan isu keganasan rumah tangga memerlukan

intervensi dan kerjasama pelbagai pihak bagi menanganinya (YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, 4 Mei 2021).

Dalam konteks di Malaysia, terdapat pelbagai pihak sama ada agensi kerajaan atau organisasi bukan kerajaan (NGO) yang memainkan peranan dalam menangani dan mengendali kes keganasan rumah tangga berdasarkan kepakaran masing-masing seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1, Jadual 2 dan Jadual 3 di bawah:

Jadual 1: Agensi Kerajaan yang Terlibat dalam Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga

Agensi	Perkhidmatan
Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)	Perkhidmatan kebajikan kepada mangsa seperti memfailkan permohonan IPO secara ex-parte bagi pihak mangsa (Seksyen 12 Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (AKRT 1994); mengaturkan pengangkutan bagi mangsa itu ke kediaman alternatif / tempat selamat / tempat berlindung, hospital / tempat kemudahan perubatan bagi rawatan kecederaan; menjelaskan kepada mangsa tentang hak untuk mendapatkan perlindungan; menemankan mangsa ke kediaman atau kediaman sebelumnya untuk mengambil barang-barang kepunyaannya; merujuk mangsa kanak-kanak kepada Pelindung di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611] bagi kes kanak-kanak yang memerlukan perlindungan; mempertimbangkan bantuan kewangan; menyediakan perkhidmatan kaunseling, mediasi dan lain-lain; menyediakan tempat selamat kepada mangsa jika perlu; dan sebagainya.
Polis Diraja Malaysia (PDRM)	Membantu mangsa keganasan rumah tangga untuk memfailkan permohonan IPO; mengaturkan pengangkutan mangsa ke kediaman alternatif / tempat selamat / tempat berlindung, hospital / tempat kemudahan perubatan bagi rawatan kecederaan; menjelaskan kepada mangsa hak untuk mendapatkan perlindungan termasuk IPO, PO dan tempat perlindungan sementara; menemankan mangsa ke kediaman atau kediaman sebelumnya untuk mengambil barang-barang kepunyaannya (s. 19 AKRT).
Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	Menyediakan perkhidmatan OSCC di semua jabatan kecemasan di hospital KKM bagi tujuan pemeriksaan, rawatan dan pengesahan kes-kes keganasan rumah tangga

	serta menguruskan supaya laporan kepada polis boleh dijalankan; merujuk kes kepada Pegawai Kerja Sosial Perubatan atau agensi berkaitan seperti JKM, JPW, Jabatan Imigresen dan NGO); memberikan rawatan perubatan susulan kepada mangsa; mengeluarkan laporan perubatan terhadap sesuatu kes; memastikan pegawai perubatan yang bertanggungjawab menjadi saksi perbicaraan di mahkamah jika diperlukan.
Mahkamah	Mengeluarkan IPO dan PO; menyertakan suatu kuasa menangkap sekiranya pendera berkemungkinan akan menyebabkan kecederaan fizikal kepada mana-mana orang yang dilindungi; memperbaharui perintah-perintah apabila PO dilanggar.
Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)	Perkhidmatan kaunseling; Program kesedaran umum; melaksanakan program pembangunan kapasiti wanita seperti program 1Malaysia Komuniti Perwani, program pembangunan keusahawanan.
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)	Pelaksanaan program sistem sokongan dan program pembangunan keluarga seperti SMARTSTART, Modul KASIH dan sebagainya; mengendalikan latihan dan pendidikan, promosi dan advokasi, kaunseling keluarga, penyelidikan dan pembangunan.
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN)	Perkhidmatan badan pendamai melalui Unit Runding Cara atau Khidmat Nasihat Kekeluargaan iaitu memberi perkhidmatan runding cara dan bimbingan khidmat nasihat; menyediakan laporan kes runding cara untuk dikemukakan kepada Mahkamah Syariah / pihak berkenaan.
Sumber: Garis Panduan Pengendalian Kes Keganasan RumahTangga, KPWKM (2015)	

Jadual 2: Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) yang Terlibat dalam Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga (Sebahagian sahaja)

Organisasi Bukan Kerajaan (NGO)	Perkhidmatan
Women's Aid Organisation (WAO)	Perkhidmatan ketika krisis dan bantuan sokongan selepas krisis seperti rumah perlindungan sementara, pusat

	perlindungan kanak-kanak, kaunseling, bantuan nasihat undang-undang, program pembangunan pemandiri dan talian hotline 24 jam (TINA)
All Women's Action Society Malaysia (AWAM)	Bantuan dan sokongan kepada mangsa seperti kaunseling, sokongan mahkamah, peneman mangsa ke balai polis/hospital/JKM, tempat perlindungan sementara dan talian bantuan (Telenita).
Women's Centre For Change (WCC Penang)	Bantuan dan sokongan kepada mangsa seperti kaunseling, sokongan mahkamah, peneman mangsa ke balai polis/hospital/JKM, tempat perlindungan sementara dan talian bantuan.
Rumah Perlindungan Bayt al-Rahmah & Rahmah Support Team, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)	Talian sokongan psikososial – Talian Rahmah iaitu khidmat kaunseling dan nasihat perundangan.
Pertubuhan Teratak Rahmah Wanita Islam (TERATAI)	Rumah Perlindungan (Rumah TERATAI) dan Talian Teratai yang menyediakan perkhidmatan kaunseling dan nasihat perundangan.
Pertubuhan Ikatan Wanita Antarabangsa bagi Institusi Keluarga dan Pendidikan Berkualiti (WAFIQ)	Platform aduan kes- TeleWAFIQ dan khidmat nasihat.
Sisters in Islam (SIS)	Platform aduan kes dan khidmat nasihat perundangan (Talian Telenisa)

Sumber: <https://wao.org.my>, <https://www.awam.org.my/>, Keluarga Selamat. Buku Panduan untuk Menyokong Mangsa Keganasan Rumah Tangga (WCC, 2020) , www.wccpenang.org, <https://www.abim.org.my>, <https://rumahteratai.com>, <https://ismaweb.net>, <https://sistersinislam.org/telenisa>

Jadual 3: Agensi yang Menyediakan Perkhidmatan Talian Aduan Kes Keganasan Rumah Tangga (Sebahagian sahaja)

Agensi	Talian Aduan
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)	Talian Kasih 15999 (hotline 24 jam) dan aplikasi WhatsApp +6019 2615999.
Women's Aid Organisation (WAO)	Talian hotline 24 jam +603 3000 8858 dan aplikasi WhatsApp TINA +6018 988 8058

All Women's Action Society Malaysia (AWAM)	Talian helpline – Telenita : +6016 2374221, +6016 2284221 & +603 7877 4221 (beroperasi 9.30 pagi hingga 5.30 petang)
Women's Centre For Change (WCC Penang)	Talian hotline : +604 228 0342 & +6011 31084001 (beroperasi 9.00 pagi hingga 5.00 petang).
Rumah Perlindungan Bayt al- Rahmah & Rahmah Support Team, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)	Talian Rahmah: +6011 57731036 (beroperasi 10.00 pagi hingga 4.00 petang)
Pertubuhan Teratak Rahmah Wanita Islam (TERATAI)	Talian hotline Teratai: +6011 57695171
Pertubuhan Ikatan Wanita Antarabangsa bagi Institusi Keluarga dan Pendidikan Berkualiti (WAFIQ)	Talian TeleWAFIQ : +6013 9249051
Sisters in Islam (SIS)	Talian Telenisa: +603 7960 8802 & +6012 8123424 (beroperasi Selasa hingga Khamis, 9.30 pagi hingga 5.00 petang)
Befriends KL	Talian hotline 24 jam: +603 7960 8802
Wanita Berdaya Selangor	Talian SELamat (hotline 24 jam): +603 6419 5027

Sumber: <https://wao.org.my/>, <https://www.awam.org.my/>, www.wccpenang.org, <https://www.abim.org.my>, <https://rumahteratai.com>, <https://wafiq.my/telewafiq>, <https://sistersinislam.org/telenisa>, <https://www.befrienders.org.my/>, <https://www.wbselangor.com.my/>

Ini menunjukkan pihak-pihak yang terlibat sama ada agensi kerajaan atau organisasi bukan kerajaan (NGO) memainkan peranan masing-masing dalam membantu mangsa kes keganasan rumah tangga. Antara perkhidmatan utama yang ditawarkan ialah rumah perlindungan sementara, talian aduan, bantuan kaunseling dan nasihat perundangan serta program pembangunan pemandiri.

Namun, peningkatan kes keganasan rumah tangga sejak tahun 2020 memerlukan lebih banyak usaha dilakukan oleh pihak-pihak terlibat antaranya dengan menyediakan lebih banyak rumah perlindungan dan pusat krisis bersepadu (OSCC) di hospital, menambah bilangan pegawai penyiasat (IO) di Bahagian Siasatan Jenayah Seksual, Wanita dan Kanak-kanak, pelindung kanak-kanak dan pekerja sokongan krisis, memperkasa kapasiti pekerja sosial menurut piawaian yang ditetapkan terutamanya bagi aktivis atau sukarelawan NGO serta penganjuran program pembangunan pemandiri (WAO, 22 Sept 2021).

Pada April 2021, Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) telah melancarkan projek rintis 'Program Masjid Santuni Masyarakat' dengan menjadikan masjid sebagai pusat transit perlindungan dan aduan pemandiri keganasan rumah tangga (Astro Awani, 4 Mei 2021). Usaha ini adalah

pertama seumpamanya apabila Masjid Wilayah Persekutuan dan Masjid Al-Ghufran (Taman Tun Dr Ismail) telah dipilih sebagai perintis pusat transit perlindungan dan aduan kes keganasan rumah tangga (Astro Awani, 4 Mei 2021). Dalam perkembangan terkini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Idris Ahmad turut berhasrat untuk meluaskan perkhidmatan tersebut ke seluruh negara (Abd Razak, 11 Sept 2021).

Hal ini memperlihatkan masjid kini dijadikan pusat aduan dan transit perlindungan sementara mangsa kes keganasan rumah tangga. Namun terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian sewajarnya bagi menjayakan usaha tersebut antaranya berkaitan status masjid sebagai pusat transit perlindungan dan aduan kes, perkhidmatan serta kemudahan yang disediakan. Sehubungan itu artikel ini akan menganalisis peranan masjid sebagai pusat transit perlindungan dan aduan kes keganasan rumahtangga selain mengenalpasti isu dan cabaran yang timbul dalam pengendalian kes keganasan rumah tangga.

2. Keganasan Rumah Tangga Menurut Perundangan

Keganasan rumah tangga ialah satu perbuatan penderaan atau penderaan yang dilakukan secara berturutan oleh seorang ahli keluarga terhadap ahli keluarga yang lain (WCC, 2020). Terdapat 5 bentuk penderaan dalam keganasan rumah tangga iaitu fizikal, seksual, psikologi atau emosi, sosial dan ekonomi. Undang-undang yang mengawal kes keganasan rumah tangga di Malaysia ialah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (AKRT 1994).

Akta ini adalah terpakai kepada ahli keluarga seperti pasangan (isteri atau suami), bekas isteri atau suami, pasangan de-facto, anak-anak (termasuk anak angkat), orang dewasa dengan kelainan upaya fizikal atau mental, dan lain-lain orang yang dianggap sebahagian daripada keluarga tersebut (WCC, 2020). Akta ini juga terpakai kepada orang Islam dan bukan Islam, warganegara dan bukan warganegara (WCC, 2020).

AKRT 1994 ini juga akan dibaca bersama dengan Kanun Keseksaan antaranya seperti seksyen 321 & 323 (kecederaan dengan sengaja), seksyen 324 (kecederaan menggunakan senjata), seksyen 322 & 325 (kecederaan parah), seksyen 326 (kecederaan parah menggunakan senjata), seksyen 326A (kecederaan kepada pasangan, bekas suami atau isteri, kanak-kanak atau ahli keluarga yang lain) (WCC, 2020) dan seksyen 302 (kecederaan hingga mengakibatkan kematian terhadap mangsa).

Seksyen 2 Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (AKRT 1994) mentakrifkan keganasan rumah tangga sebagai perlakuan yang dengan sengaja telah cuba atau meletakkan mangsa dalam ketakutan akan kecederaan fizikal; mengakibatkan kecederaan fizikal; memaksa mangsa untuk melakukan apa-apa kelakuan atau perbuatan, berbentuk seksual; mengurung atau menahan mangsa tanpa kerelaan; melakukan khianat atau kemusnahan atau kerosakan kepada harta mangsa yang menyebabkan mangsa mengalami kerugian kewangan; menyebabkan penderaan psikologi dan kecederaan emosi kepada mangsa; menggugut mangsa dengan niat untuk menyebabkan mangsa takut akan keselamatan dirinya atau hartanya atau

orang ketiga, mengaibkan kehormatan mangsa, atau menyebabkan mangsa mengalami delusi dengan menggunakan apa-apa bahan yang memabukkan tanpa kerelaan mangsa.

Akta ini telah dipinda pada tahun 2012 dan 2017 bagi menambahbaik perundangan sedia ada. Pindaan ini telah menambahbaik takrifan keganasan rumah tangga yang mencakupi aspek penderaan psikologi dan emosi, sosial serta ekonomi (Aspalella et al, 2020). Bentuk-bentuk keganasan rumah tangga tersebut adalah seperti yang dijelaskan dalam Jadual 4 di bawah:

Jadual 4: Bentuk-bentuk Keganasan Rumah Tangga

Bentuk	Penerangan
Penderaan Fizikal	Memukul, menolak, menumbuk, menampar, menendang, melempar objek, mencekik, menolak pasangan ke lantai atau tanah, serangan yang melibatkan penggunaan senjata, menggigit, menarik rambut, menikam, menembak atau mengancam mangsa.
Penderaan Psikologi/Emosi	Perbuatan mempersenda, menghina, menuduh, curang, menggunakan kata-kata kesat untuk mengaibkan atau membuatkan seseorang itu berasa tidak bermaruah (secara terang-terangan atau melalui dalam talian atau aplikasi media sosial.)
Penderaan Seksual	Memaksa pasangan untuk melakukan hubungan seks tanpa persetujuan, menggunakan seks untuk mengawal atau mengaibkan mangsa, termasuk mengugut mangsa untuk melakukan seks yang tidak selamat atau amalan seks yang mana mangsa tidak mahu terlibat.
Penderaan Sosial	Pengasingan/Pengurungan- Mengawal pergerakan atau menghalang seseorang daripada melawat, berjumpa, atau bercakap dengan ahli keluarga atau kawan.
Penderaan Ekonomi	Menghadkan kebebasan atau jaminan kewangan seseorang, menahan atau enggan memberi wang secukupnya untuk perbelanjaan rumah tangga atau merampas pendapatan seseorang.

Sumber: Keluarga Selamat. Buku Panduan untuk Menyokong Mangsa Keganasan Rumah Tangga (WCC, 2020) dan Daleleer Kaur Randawar & Najibah, 2021. Undang-undang Keganasan Rumah Tangga di Malaysia, IIUM Press, Kuala Lumpur.

Pindaan 2012 dan Pindaan 2017 pada AKRT 1994 juga telah menambahbaik bentuk-bentuk perlindungan kepada mangsa iaitu dengan memperkenalkan perintah perlindungan kecemasan (EPO) sebagai tambahan kepada perintah perlindungan interim (IPO) dan perintah perlindungan (PO). Kebiasaannya IPO diberikan kepada mangsa apabila sesuatu kes masih dalam siasatan polis manakala PO dikeluarkan apabila kes mula dibicarakan di mahkamah (Aspalella et al, 2020). Permohonan IPO dan PO ini memerlukan suatu laporan polis bahawa wujudnya keganasan rumah tangga yang berlaku (Aspalella et al, 2020) dan ia perlu dipohon di Mahkamah.

Manakala, EPO boleh dikeluarkan oleh pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) dalam tempoh 24 jam tanpa perlu membuat laporan polis atau mendapatkan kebenaran mahkamah (Aspalella et al, 2020). Perintah ini bertujuan untuk menghalang pelaku melakukan keganasan rumah tangga ke atas mangsa, melarang pelaku menghasut orang lain untuk melakukan keganasan terhadap mangsa dan melarang pelaku dari memasuki tempat selamat, tempat berlindung, tempat kediaman, kediaman bersama atau kediaman alternatif mangsa (JKM, KPWKM).

Selain itu, pindaan tersebut juga telah memberikan hak eksklusif kepada mangsa untuk tinggal di rumah kediaman tanpa kehadiran pesalah (Aspalella et al, 2020). Malah, mahkamah mempunyai kuasa untuk mengarahkan pesalah menghadiri sesi kaunseling secara berasingan dengan mangsa dan mangsa hanya akan menghadiri sesi kaunseling tersebut atas kerelaan mereka sendiri (Aspalella et al, 2020).

3. Masjid sebagai Pusat Transit dan Aduan Kes Keganasan Rumah Tangga

Masjid sering dikaitkan dengan ibadat atau tempat melakukan amalan ritual seperti solat, wirid, zikir, doa dan sebagai tempat merayakan hari-hari kebesaran Islam (Aminuddin, 2008). Pada zaman Rasulullah s.a.w., masjid merupakan tempat menjalankan ibadah solat, tempat musyawarah, tempat pengaduan masyarakat dalam menuntut keadilan dan tempat pertemuan usahawan (Ibn Kathir, 2002; Ibn Hisyam, 1995; al-Mabarkafuri, 1994). Kini masjid dipelbagaikan fungsinya sebagai pusat komuniti setempat yang menyediakan pelbagai kemudahan kepada segenap lapisan masyarakat meliputi keperluan psikososial dan spritual.

Sehubungan itu, pada April 2021, satu projek rintis 'Program Masjid Santuni Masyarakat' inisiatif JAWI dengan kerjasama KPWKM telah menjadikan masjid sebagai pusat transit perlindungan dan aduan mangsa kes keganasan rumah tangga. Ia merupakan satu inisiatif di bawah Pelan Pengimarah Masjid-Masjid Wilayah Persekutuan 2020-2024 melalui teras Sosial, Komuniti dan Alam Sekitar dengan penjenamaan Masjid Prihatin.

Dua buah masjid telah terpilih sebagai pusat transit perlindungan dan aduan kes keganasan rumah tangga iaitu Masjid Wilayah Persekutuan dan Masjid Al-Ghufran (Taman Tun Dr Ismail). Pemilihan kedua-dua masjid ini sebagai pusat transit perlindungan mungkin berdasarkan faktor kemudahan sedia ada di masjid tersebut seperti asrama, kamar musafir (ala hotel), dewan café dan bilik mesyuarat (<http://masjid.islam.gov.my>).

Antara perkhidmatan yang disediakan di pusat transit kelolaan masjid tersebut ialah tempat perlindungan sementara iaitu tempat tinggal di asrama, makanan dan minuman sebanyak tiga kali sehari, kit persalinan yang mengandungi baju dan seluar, selimut, tuala mandi, peralatan mandi atau peralatan kebersihan diri serta keperluan asas wanita (YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, 4 Mei 2021). Selain itu, mangsa akan diberi kaunseling dan bimbingan spiritual oleh pegawai masjid serta pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) terlatih (Datuk Mohd Ajib, 12 Oktober 2021).

Pusat transit yang terbuka kepada Muslim dan bukan Muslim ini bertujuan untuk membantu mangsa mengambil tindakan rasional serta sesuai sebaik tamat tempoh transit di

masjid iaitu selama tiga hari (Datuk Mohd Ajib, 12 Oktober 2021). Mangsa hanya akan diberikan perlindungan sementara di pusat transit ini selepas laporan polis dibuat serta mendapat Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) dari JKM (jika perlu) (Datuk Mohd Ajib, 12 Oktober 2021). Laporan polis ini bertujuan untuk menjamin keselamatan mangsa sepanjang tinggal di masjid sebelum dipindahkan ke pusat perlindungan di bawah JKM atau JPW (Datuk Mohd Ajib, 12 Oktober 2021).

Selain itu, sebanyak 12 buah masjid di Wilayah Persekutuan telah dipilih menjadi pusat aduan dan khidmat kaunseling kepada mangsa-mangsa keganasan rumah tangga yang memerlukan khidmat nasihat, sokongan psikologi dan kaunseling iaitu Masjid al-Imam al-Ghazali, Masjid al-Qurtubi, Masjid Amru Ibn Al-Ass, Masjid Salahuddin al-Ayubi, Masjid Al-Imam Asy-Syafie, Masjid ar-Rahimah, Masjid Jameul Ehsan, Masjid Abu Ubaidah Al-Jarrah, Masjid Al-Muqarrabin, Masjid Al-Zubair Ibnu Awwam, Masjid Ar-Rahman dan Masjid al-Ikhlasih

3.1 Isu dan Cabaran Masjid sebagai Pusat Transit Perlindungan dan Aduan Kes Keganasan Rumah Tangga

Terdapat beberapa isu dan cabaran masjid sebagai pusat transit perlindungan dan aduan kes keganasan rumah tangga. Seksyen 2 AKRT 1994 telah mendefiniskan tempat selamat atau tempat berlindung sebagai mana-mana rumah atau institusi yang diuruskan oleh JKM atau mana-mana agensi dan pertubuhan sukarela yang diwartakan atau mana-mana tempat yang sesuai yang mana penghuninya bersedia menerima mangsa buat sementara waktu.

Setakat hari ini terdapat sebanyak 42 buah tempat perlindungan telah diwartakan oleh kerajaan iaitu 34 daripadanya adalah tempat perlindungan oleh kerajaan (WAO, Mac 2016). Rumah perlindungan ini masih tidak memadai berbanding jumlah kes keganasan rumah tangga yang berlaku. Rumah perlindungan bukan sahaja berfungsi sebagai tempat perlindungan kepada pemandiri tetapi turut menekankan akses keselamatan fizikal, perlindungan undang-undang, keadilan dan sokongan selepas meninggalkan tempat perlindungan (WAO, 2017).

Women's Aid Organisation (WAO) dengan kerjasama KPWK, agensi-agensi kerajaan seperti JKM, JPW, KKM, PDRM, LPPKN dan badan-badan NGO serta individu-individu prihatin telah membangunkan Garis Panduan Piawaian Tempat Perlindungan Keganasan Rumah Tangga pada tahun 2016. Garis panduan ini bertujuan untuk menyediakan tempat perlindungan yang selamat dan menyokong pemandiri wanita keganasan rumah tangga dan anak-anak mereka (WAO, Mac 2016). Garis panduan ini juga turut mencadangkan beberapa model tempat perlindungan seperti tempat perlindungan standard (rumah perlindungan iaitu sebuah bangunan khas), hotel atau motel, tempat ibadah atau premis perniagaan seperti bangunan kedai dan rumah persendirian yang diuruskan oleh komuniti setempat (WAO, Mac 2016).

Hal ini menunjukkan masjid bukanlah satu tempat yang janggal sebagai tempat perlindungan namun beberapa perkara perlu dipertimbangkan seperti keselamatan pemandiri iaitu kerahsiaan lokasi pemandiri, keselamatan bangunan iaitu pemasangan pintu yang kuat dan selamat dan tidak boleh dipaksa buka, mewujudkan satu lokasi sebagai pintu masuk utama

tunggul untuk mengurangkan risiko ancaman keselamatan, memantau lebih daripada satu pintu masuk dalam satu masa dan penyediaan pengawal keselamatan (WAO, Mac 2016) atau kamera litar tertutup (CCTV). Pendedahan lokasi tempat perlindungan umpamanya akan memberi ancaman kepada keselamatan pemandiri dan petugas apabila pelaku dengan mudah dapat mengesan pemandiri.

Selain itu, kemudahan-kemudahan seperti kit keperluan asas, pakaian dan peralatan kebersihan diri, makanan dan minuman, capaian internet, pengangkutan selamat dari tempat ibadat kepada penyedia perkhidmatan yang lain, akses kepada perkhidmatan kesihatan, kaunseling dan nasihat undang-undang (WAO, Mac 2016; WAO, 2021) adalah perkara yang tidak boleh dikesampingkan. Kompetensi pegawai masjid yang bertugas dalam mengendalikannya kes dan talian aduan keganasan rumah tangga, SOP pengurusan pusat transit dan penerimaan aduan kes adalah perkara yang juga turut perlu diberikan perhatian memandangkan ia bukanlah satu rutin biasa bagi pegawai masjid terlibat.

Selain itu, kehadiran petugas adalah perlu dalam memastikan keadaan dan keperluan pemandiri sepanjang tempoh tersebut. Fungsi masjid sebagai pusat transit perlindungan yang ditetapkan selama 3 hari perlu disemak semula kesesuaiannya kerana ia merupakan satu tempoh yang sangat singkat bagi proses-proses seperti pendaftaran, taklimat peraturan pusat transit, penyediaan kemudahan, khidmat nasihat atau kaunseling dan proses daftar keluar dari pusat transit perlindungan masjid (WAO, 2021).

Dari aspek perundangan, hal ehwal berkaitan masjid adalah diperuntukkan di bahagian VII (seksyen 72 hingga 83) Akta Pentadbiran Undang-undang Agama Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505). Akta ini tidak menyentuh secara langsung punca kuasa masjid namun Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, boleh membuat kaedah-kaedah bagi menetapkan fungsi-fungsi jawatankuasa kariah seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 81(1) (c) Akta 505. Seksyen 81(2) (b) dan (c) Akta 505 umpamanya memperuntukkan bahawa Jawatankuasa kariah, bersama-sama dengan Pegawai Masjid, hendaklah bertanggungjawab bagi kelakuan anak kariah dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam dan memberikan maklumat wajar dan segera kepada Majlis tentang semua perkara yang berbangkit dalam kariah yang menghendaki perhatian Majlis.

Ini menunjukkan bahawa sebarang aktiviti yang dijalankan oleh masjid perlu dalam makluman Majlis. Dalam konteks Wilayah Persekutuan, JAWI telah mewujudkan Bahagian Pengurusan Masjid (BPM) yang berfungsi untuk menyelaras program-program pengimaran dan takmir masjid dan surau (BPM, JAWI, 2020). Sehubungan itu, sekiranya model masjid sebagai pusat transit perlindungan kes keganasan rumah tangga ingin dikembangkan ke seluruh negara, maka ia perlu mendapat persetujuan Majlis atau pihak-pihak yang berautoriti di negeri masing-masing.

3.2 Kerangka Penambahbaikan Masjid sebagai Pusat Transit Perlindungan dan Aduan Kes Keganasan Rumah Tangga

Kerangka penambahbaikan masjid sebagai pusat transit perlindungan dan aduan kes keganasan rumah tangga adalah seperti yang dicadangkan dalam Jadual 5 di bawah selepas mengambil kira isu dan cabaran yang dibincangkan sebelum ini.

Jadual 5: Kerangka Penambahbaikan Masjid sebagai Pusat Transit Perlindungan dan Aduan Kes Keganasan Rumah Tangga

Kerangka		Penerangan
Keselamatan	Persekitaran	Rumah Perlindungan yang mematuhi Piawai dan Garis Panduan Tempat Perlindungan Dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan seperti kamera litar tertutup (CCTV) dan pengawal keselamatan Bangunan yang berasingan dan/atau tidak menjadi tumpuan pengunjung masjid
Kemudahan-kemudahan	Asas	Makanan dan minuman Pakaian Tuala dan Selimut Peralatan kebersihan diri dan sanitasi Capaian internet <i>Prepaid/Top up</i> telefon
Bantuan	Rawatan	Doktor bertugas atau akses kepada Hospital/Klinik berhampiran Disediakan untuk pemandiri yang mempunyai masalah kesihatan yang memerlukan pantauan atau mengalami kecederaan.
	Sokongan Psikososial	Sesi Kaunseling Dikendalikan oleh kaunselor bertauliah Sesi kaunseling diadakan di bilik khas
Bantuan	Nasihat	Nasihat berkaitan hak dan pilihan-pilihan tindakan Akses kepada sistem keadilan Runding cara dan nasihat kekeluargaan Penyediaan peneman atau peguam pendamping (secara pro bono)
Bantuan	Kewangan	Duit poket Disediakan untuk kegunaan membeli keperluan asas diri atau anak-anak atau bayaran untuk rawatan perubatan Digunakan bagi tujuan memulakan kehidupan baru seperti pencarian kerja/ sewa kediaman baru/ modal perniagaan
Prosedur Operasi Standard (SOP) dan Dokumentasi	Kes	SOP dan carta alir bagi penerimaan aduan serta penerimaan dan pengendalian kes keganasan rumah tangga Penyediaan borang-borang seperti borang aduan, borang pendaftaran kemasukan, borang perlepasan dari pusat transit dan lain-lain yang berkaitan Peraturan Pusat Transit

Pemantauan		Kehadiran dan keberadaan petugas di pusat perlindungan bagi memastikan keadaan dan keperluan pemandiri (sepanjang tempoh di pusat transit)
Kompetensi Masjid	Petugas	Mempunyai kepakaran atau berkemahiran Menjalani latihan berkaitan penerimaan aduan dan pengendalian kes seperti undang-undang berkaitan keganasan rumah tangga dan perintah-perintah perlindungan kepada mangsa (EPO, IPO dan PO), Psychological First Aid dan lain-lain.
Tempoh transit		Sekurang-kurangnya 7 hari (mengambil kira proses-proses seperti pendaftaran, taklimat peraturan pusat transit, penyediaan kemudahan, khidmat nasihat atau kaunseling dan proses daftar keluar dari pusat transit perlindungan).
Talian Bantuan / Pusat Aduan		Petugas yang berkemahiran dan efisien dalam menjawab panggilan atau menerima aduan Waktu dan tempoh menerima aduan (sama ada hotline 24 jam atau mengikut waktu bekerja)
Penjagaan Anak-anak		Pusat Jagaan Sementara Kanak-kanak Disediakan sekiranya pemandiri perlu ke pejabat, bekerja atau urusan ke Balai Polis, hospital dan sebagainya.

Sumber: Garis Panduan Piawai Tempat Perlindungan Keganasan Rumah Tangga- WAO (2016), Buku Panduan untuk Menyokong Mangsa Keganasan Rumah Tangga (WCC, 2020) dan Modul Latihan Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga (LAPUR) anjuran WAO & ABIM, 2021.

4. Penutup

Masjid kini telah dipelbagaikan fungsinya sebagai pusat komuniti setempat yang menyediakan pelbagai kemudahan kepada segenap lapisan masyarakat meliputi keperluan psikososial dan spritual. Maka, usaha proaktif untuk menjadikan masjid sebagai pusat transit perlindungan dan aduan kes keganasan rumah tangga adalah suatu langkah ke hadapan dalam memasyarakatkan fungsi masjid. Namun beberapa perkara perlu diambil perhatian sewajarnya dalam menjayakan usaha tersebut. Isu-su berkaitan keselamatan persekitaran dan privasi pemandiri, pemantauan terhadap keadaan dan keperluan pemandiri dari semasa ke semasa, penyediaan kemudahan-kemudahan asas seperti pakaian, makanan, minuman, peralatan kebersihan diri serta bantuan-bantuan sokongan seperti rawatan kesihatan, sokongan psikososial dan kaunseling, nasihat perundangan dan kewangan perlu diambil kira.

Bagi memperkemas urusan pentadbiran dan pengurusan kes, beberapa Prosedur Operasi Standard (SOP) perlu diwujudkan selain memberi perhatian sewajarnya kepada isu-isu seperti kompetensi petugas masjid, talian bantuan hotline yang berkesan serta tempoh transit sekurang-kurangnya selama seminggu. Pusat jagaan anak-anak turut dicadangkan sekiranya pemandiri perlu bekerja atau bertemu majikan atau menguruskan beberapa urusan

berkaitan di Balai Polis, hospital dan sebagainya dalam tempoh tersebut. Seterusnya padanan pemandiri dengan rangkaian perkhidmatan yang ada di Malaysia seperti penempatan di rumah perlindungan atau tempat selamat, bantuan kewangan dan sebagainya perlu dilakukan dengan kadar segera (WAO, 2021) sebaik-baiknya sebelum pemandiri dilepaskan keluar dari pusat transit perlindungan tersebut tanpa menafikan hak pemandiri dan ahli keluarga terlibat kepada akses keadilan dan nilai hidup baru yang lebih positif dan bermakna.

Maka sinergi di antara Jabatan Agama Islam Negeri, jawatankuasa kariah masjid, agensi-agensi kerajaan dan NGO yang berpengalaman dalam pengendalian kes keganasan rumah tangga sama ada dalam bentuk perkhidmatan talian aduan atau rumah-rumah perlindungan seperti WAO, AWAM, WCC, Bayt al-Rahmah (ABIM), Rumah Teratai, WAFIQ dan lain-lain adalah penting (WAO, 2021). Ini bagi merancang bentuk-bentuk kerjasama berkaitan perkongsian sumber serta bantuan teknikal yang diperlukan (WAO, 2021) bagi menjayakan usaha untuk menjadikan masjid sebagai pusat transit perlindungan dan aduan kes keganasan rumah tangga. Pada masa hadapan, masjid dengan sinergi pelbagai pihak boleh merancang aktiviti-aktiviti atau menawarkan program-program pembangunan pemandiri dan juga terlibat secara aktif dalam kempen-kempen kesedaran dan advokasi berkaitan keganasan rumah tangga. Ini bersesuaian dengan peranan masjid antaranya sebagai tempat pengaduan masyarakat dalam menuntut keadilan dan pembangunan komuniti.

5. Penghargaan

Penghargaan kepada jurulatih-jurulatih Women's Aid Organisation (WAO) dan peserta-peserta Latihan Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga (LAPUR) anjuran WAO & ABIM pada 1,2,8 & 9 Julai 2021 atas perkongsian maklumat berkaitan.

RUJUKAN

- Abd Razak Mohd Ali , 11 Sept 2021. Jadikan Masjid Sebagai Pusat Transit Mangsa Keganasan Domestik – Menteri. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jadikan-masjid-sebagai-pusat-transit-mangsa-keganasan-domestik-menteri-319208>
- Al-Mabarkafuri, Safi al-Rahman. 1994. *Al-Rahiq al-Makhtum*. Riyad: Maktabah Dar al-Salam. 0503-3.
- Aminuddin Ruskam al-Dawamy, 2008. *Falsafah Dan Fungsi Masjid Dalam Islam* dalam Mustari, M. I. & Jasmi, K. A. (2008). *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Press. ISBN: 978-983-52-0503-3.
- Aspalella A. Rahman, Nazli Mahadzir, Che Thalbi Ismail & Asmar Abdul Rahim. 2020. *Perkembangan Terkini Undang-Undang Keganasan Rumahtangga di Malaysia*. Proceeding International Seminar on Regional Politics, Administration and Development 2020 (Insorpad2020), 14-15 October 2020.
- Astro Awani. 4 Mei 2021. *Masjid Jadi Pusat Transit Keganasan Rumah Tangga*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/masjid-jadi-pusat-transit-keganasan-rumah-tangga-296380>

- Daleer Kaur Randawar & Najibah, 2021. Undang-undang Keganasan Rumah Tangga di Malaysia, IIUM Press, Kuala Lumpur.
- Datuk Mohd Ajib Ismail, Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dalam Mangsa Keganasan Rumah Tangga Berlindung Di Masjid. BHonline. 12 Oktober 2021. <https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2021/10/875266/mangsa-keganasan-rumah-tangga-berlindung-di-masjid>
- Ibn Hisham. 1995. Sirah al-Nabawiyyah li Ibn Hisham. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Ibnu Kathir, Abu al-Fida' al-Hafiz, al-Imam (2002). Al-Bidayah wa al-Nihayah. Bairut: al-Maktabah al-'Asriyyah. Jilid 1- 10.
- ISMAWeb. 5 Mei 2021. WAFIQ Sokong Masjid Jadi Pusat Transit Mangsa Keganasan Rumah Tangga Sedia Tawar Khidmat Nasihat, Bekerjasama Rapat Dalam Usaha Ini. <https://ismaweb.net/2021/05/05/wafiq-sokong-masjid-jadi-pusat-transit-mangsa-keganasan-rumah-tangga/>
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. Akta Keganasan Rumah Tangga. <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/full&id=TU01WHptUIFnbDEyT0Z5OCtsVjh4QT09>
- Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWK). Garis Panduan Pengendalian Kes Keganasan RumahTangga (2016).
- Laman Web Rasmi All Women's Action Malaysia. <https://www.awam.org.my/>
- Laman Web Rasmi Angkatan Belia Islam Malaysia. <https://www.abim.org.my>
- Laman Web Rasmi Bahagian Pengurusan Masjid. <https://www.jawi.gov.my/bahagian-jawi-3/pengurusan-masjid>
- Laman Web Rasmi Befriends KL <https://www.befrienders.org.my/>
- Laman Web Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), KPWK. <https://www.jkm.gov.my>
- Laman Web Rasmi Masjid Wilayah Persekutuan dan Masjid Al-Ghufran (Taman Tun Dr Ismail) <http://masjid.islam.gov.my>.
- Laman Web Rasmi Pertubuhan Ikatan Wanita Antarabangsa bagi Institusi Keluarga dan Pendidikan Berkualiti (WAFIQ) <https://wafiq.my/telewafiq>
- Laman Web Rasmi Pertubuhan Teratak Rahmah Wanita Islam <https://rumahteratai.com>
- Laman Web Rasmi Sisters in Islam. <https://sistersinislam.org/telenisa>
- Laman Web Rasmi Wanita Berdaya Selangor <https://www.wbselangor.com.my/>
- Laman Web Rasmi Women's Aid Organisation. <https://wao.org.my>,
- Laman Web Rasmi Women's Centre For Change. www.wccpenang.org
- Women's Centre For Change & Kerajaan Negeri Pulau Pinang. 2020. Keluarga Selamat. Buku Panduan untuk Menyokong Mangsa Keganasan Rumah Tangga.
- Portal Rasmi Masjid Malaysia. Masjid Wilayah Persekutuan dan Masjid Al-Ghufran (Taman Tun Dr Ismail). <http://masjid.islam.gov.my>.
- WAO. 2017. Perspektif Mengenai Keganasan Rumah Tangga. Penyelarasan Gerak Kerja Komuniti. Terhadap Isu Komuniti. Laporan 2017.
- WAO. Mac 2016. Keganasan Rumah Tangga. Garis Panduan Piawai Tempam Perlindungan Keganasan Rumah Tangga oleh WAO. Edisi Pertama.
- WAO dalam NGO: Ramai Mangsa Keganasan Rumah Tangga Terpaksa Kembali Kepada Pasangan. 22 Sept 2021. <https://www.malaysiakini.com/news/592333>
- WAO dalam WAO Mengalukan Masjid Sebagai Pusat Transit Bagi Pemandiri

- KRT. 6 Mei 2021. <https://wao.org.my/wao-mengalu-alukan-masjid-sebagai-pusat-transit-bagi-pemandiri-krt/>
- WAO. 2021. Modul WAO: Pilihan 5 Model Tempat Selamat KRT: Perlindungan Berasaskan Komuniti Setempat. Latihan Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga (LAPUR). Anjuran WAO & ABIM. 1,2,8 & 9 Julai 2021.
- WAO. 2021 Modul WAO: Perbincangan Praktikal Tempat Perlindungan Kecemasan Berasaskan Komuniti: Masjid Sebagai Pusat Transit. Latihan Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga (LAPUR). Anjuran WAO & ABIM. 1,2,8 & 9 Julai 2021.
- YB Datuk Seri Rina Mohd Harun. Teks Ucapan YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat dalam Program Majlis Pelancaran Masjid Sebagai Pusat Transit Keganasan Rumah Tangga (KRT). Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur . 4 Mei 2021 (Selasa). Jam 10.00 Pagi. https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/TextUcapan/Ucapan%20YB%20Menteri/2021/SPEECH%20YBM_%20Pelancaran%20Masjid%20Sebagai%20Pusat%20Transit%20KRT_%204%20Mei%202021.pdf

Statut

- Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (AKRT 1994)
Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Pindaan 2012)
Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Pindaan 2017)
Akta Pentadbiran Undang-undang Agama Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505)
Kanun Keseksaan